



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/1/2017	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	EIA / JAS		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Parit khas kelilingi Tapak Pelupusan Pulau Burung

**Nibong Tebal:** Pencemaran alam sekitar akibat air larut resap, yang mengalir ke laut dari Tapak Pelupusan Pulau Burung di sini, sudah diambil tindakan segera oleh kontraktor yang dilantik dengan menambak baik serta membina parit khas di sekeliling kawasan itu.

Pengurus Besar PLB Terang Sdn Bhd, Nor Azman Othman, berkata pihaknya sudah melakukan kerja menaik taraf tapak berkenaan dan ia akan dilaksanakan secara berterusan sehingga projek pembinaan tapak baharu Fasa 3 siap.

Katanya, pembinaan parit khas yang menjadi tempat takungan air larut resap itu, akan dijalankan sehingga projek pembinaan tapak baharu mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

### Pantau kawasan

"Kami sudah menjalankan kerja tambakan dengan menggunakan tanah merah, batu kerikil dan pasir untuk meninggikan benteng di antara parit khas itu dengan kawasan paya bakau berdekatan.

"Kita juga akan mengarahkan kakitangan memantau kawasan sekeliling tapak pelupusan ini, untuk memastikan tiada lagi berlaku kebocoran air larut resap yang mengalir terus ke laut," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Nor Azman berkata, pemantauan rapi dijalankan kerana ketika ini musim hujan, yang sekali gus dibimbangi menyebabkan air larut resap dalam parit takungan yang dibina melimpah.

### Elak limpahan

Katanya, air larut resap yang memenuhi parit khas itu juga akan dipam semula ke tapak pelupusan berkenaan bagi menurunkan kadar takungan, sekali gus mengelak limpahan berlaku.

"Kita jangkakan akhir bulan hadapan, kolam takungan sementara di tapak pelupusan sampah Fasa 3 akan siap dan air larut resap di tapak sedia ada akan dipam ke sana untuk proses rawatan sebelum dilepaskan keluar," katanya.

**Fakta  
nombor**

**62** HEKTAR

keluasan Tapak Pelupusan  
Pulau Burung

**16,000** TAN

kapasiti Tapak Pelupusan  
Pulau Burung